

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 23 APRIL 2015 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Jadikan Perlembagaan asas amal toleransi, kata Ewon Ebin	The Malaysian Insider
2.	Jadikan Perlembagaan asas kesediaan penganut agama amal toleransi – Ewon Ebin	BERNAMA
3.	IGP's brother gets statement recorded over cross protest	The Star
4.	IGP's brother gets statement recorded over cross protest	The Star Online
5.	Nancy : Cross protest proves Sedition Act is needed	Free Malaysia Today
6.	Commercialisation of bio-tech products : Only 8pc success rate : Ministry	Daily Express
7.	JAS masih siasat punca ikan mati	Utusan Malaysia
8.	Sampel air sungai dianalisis	Harian Metro
9.	KeTTHA anjur Program 'Jom Beli Produk Hijau' di pasaraya Mydin	BERNAMA

Jadikan Perlembagaan asas amal toleransi, kata Ewon Ebin

Published: 23 April 2015 12:06 AM



Kebebasan beragama seperti yang termaktub dalam Perlembagaan negara sepatutnya menjadi asas kepada kesediaan setiap penganut untuk mengamalkan sikap toleransi demi kesejahteraan antara kaum, kata [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin](#) (gambar)

Beliau berkata kesedaran itu perlu agar setiap rakyat Malaysia tidak mudah melakukan provokasi atau tindakan seumpamanya terhadap mana-mana penganut agama lain.

Mengambil contoh di Sabah, katanya, masyarakatnya yang mempunyai lebih daripada 10 suku kaum yang menganut pelbagai agama sentiasa menjadikan sikap toleransi dan hormat-menghormati antara kaum dan agama sebagai pegangan demi kesejahteraan antara kaum.

"Pertikaian atau salah faham berkaitan hal-hal agama amat jarang sekali berlaku di negeri tersebut," katanya dalam satu kenyataan hari ini berikutan insiden bantahan sekumpulan penduduk terhadap pemasangan lambang salib di luar rumah kedai digunakan sebagai gereja di Taman Medan, Petaling Jaya baru-baru ini.

Ewon, Presiden Persatuan Dusun Sabah Bersatu, berharap semua pihak mengambil iktibar akan insiden itu supaya ia tidak berulang, kerana ia boleh menjejaskan keamanan dalam negara. – Bernama, 22 April, 2015.



Jadikan Perlembagaan Asas Kesediaan Penganut Agama Amal Toleransi - Ewon Ebin

PUTRAJAYA, 22 April (Bernama) -- Kebebasan beragama seperti yang termaktub dalam Perlembagaan negara sepatutnya menjadi asas kepada kesediaan setiap penganut untuk mengamalkan sikap toleransi demi kesejahteraan antara kaum, kata [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin](#).

Beliau berkata kesedaran itu perlu agar setiap rakyat Malaysia tidak mudah melakukan provokasi atau tindakan seumpamanya terhadap mana-mana penganut agama lain.

Mengambil contoh di Sabah, katanya, masyarakatnya yang mempunyai lebih daripada 10 suku kaum yang menganut pelbagai agama sentiasa menjadikan sikap toleransi dan hormat-menghormati antara kaum dan agama sebagai pegangan demi kesejahteraan antara kaum.

"Pertikaian atau salah faham berkaitan hal-hal agama amat jarang sekali berlaku di negeri tersebut," katanya dalam satu kenyataan hari ini berikutan insiden bantahan sekumpulan penduduk terhadap pemasangan lambang salib di luar rumah kedai digunakan sebagai gereja di Taman Medan, Petaling Jaya baru-baru ini.

Ewon, Presiden Persatuan Dusun Sabah Bersatu, berharap semua pihak mengambil iktibar akan insiden itu supaya ia tidak berulang, kerana ia boleh menjejaskan keamanan dalam negara.

-- BERNAMA

